

Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

PSN destinasi terbaik cuti sekolah

1

1001 Invention bakal tarik pengunjung ke PSN

2

Science Fiesta meriah, jadi tumpuan pengunjung

3

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran di PSN

4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : www.psn.gov.my

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)



PSN DESTINASI TERBAIK CUTI SEKOLAH

Pusat Sains Negara: Kunjungan ke PSN menawarkan peluang untuk menerokai dunia sains yang penuh keterujaan melalui pengalaman berinteraksi secara langsung dengan fenomena sains yang disampaikan dengan cara yang mudah difahami.

Penerokaan akan bermula dengan paparan kepelbagaiannya spesis ikan air tawar yang terdapat di Terowong Akuarium Ikan Air Tawar PSN yang pastinya memberikan pengalaman seolah-olah berada di dasar sungai. Kemudian, pengunjung akan melalui galeri Wonderspark yang menonjolkan elemen alam semulajadi iaitu air, cahaya dan angin. Di galeri Pathways to Science, pengunjung akan didedahkan kepada pelbagai disiplin sains dalam bidang biologi, kimia, fizik dan astronomi manakala dunia kreativiti melalui matematik dan sains pula dapat diselami di galeri Eureka. Galeri Kidz World adalah sesuatu yang tidak boleh dilepaskan bagi pengunjung kanak-kanak.

Pengunjung boleh juga menguji minda melalui sains penerbangan di galeri Flight manakala galeri Thinking Machine membawa ke alam mesin pintar mengenai komputer, robot, dan sistem telekomunikasi. Kemudian, terdapat juga demonstrasi sains, aktiviti menarik di makmal bioteknologi, kelas robotik, dan program saintis tunas untuk disertai.

Pastikan juga supaya tidak terlepas peluang menyelusuri galeri Science Wonderland iaitu sebuah taman rekreasi sains yang mengaplikasikan alam semulajadi sebagai bilik darjah. Seisi keluarga boleh berekreasi di taman tersebut sambil melihat adaptasi serta interaksi flora dan fauna dengan alam sekeliling.

Jadi, lawatilah PSN dan nikmati masa berkualiti bersama seisi keluarga sambil menerokai dunia sains yang penuh keseronokan. Sekali ke sini, pasti datang lagi!

1001 INVENTION BAKAL TARIK PENGUNJUNG KE PSN

22 Disember 2012 : Satu sidang media telah berjaya dianjurkan bersempena dengan pameran bertema *1001 Invention* yang dijangka akan berlangsung di Pusat Sains Negara pada awal tahun 2013 nanti.

Sidang media yang dianjurkan bersama oleh Pusat Sains Negara dan Science Discoveries Sdn. Bhd. bertujuan memberikan gambaran kepada masyarakat di Malaysia mengenai pameran ini yang merupakan pemenang bagi *Museum and Heritage Excellence Award* sebagai pemeran terbaik untuk tahun 2011.

Penganjuran pameran ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kebijaksanaan para ilmuan Islam dalam bidang sains dan teknologi.

Di samping itu, kesempatan ini juga diambil oleh pihak pengajur untuk menandatangani memorandum perjanjian bagi penganjuran pameran bertema *1001 Invention* antara Science Discoveries Sdn. Bhd. dan *1001 Invention*.



SCIENCE FIESTA MERIAH JADI TUMPUAN PENGUNJUNG

Alor Setar, Kedah : Science Fiesta yang berlangsung pada 3 hingga 8 November 2012 di Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara, telah mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran ramai pengunjung yang tidak melepaskan peluang menyertai pelbagai aktiviti.

Program yang bertemakan 'Mai Main Mainan' ini dirangka khas untuk setiap peringkat usia dalam usaha menyediakan pembelajaran sains secara tidak formal kepada masyarakat.

Pelbagai aktiviti telah ditawarkan dalam acara enam hari itu, sekaligus dapat memupuk minat masyarakat terhadap sains dan teknologi.

Penganjuran program ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pengunjung untuk mengaplikasikan ilmu sains dalam kehidupan harian selain mempromosikan pusat sains ini kepada orang ramai.

Diharapkan supaya lebih banyak program seumpama ini akan diatur setiap tahun agar dapat memupuk minat masyarakat terhadap bidang sains.



SANA-SINI PSN**PESTA JAGUNG 2012**

10 - 11 November 2012
Kota Marudu
Sabah

**PROGRAM OUTREACH
PROGRAM PUSAT JALUR LEBAR
KOMUNITI FELDA**

27 - 29 November 2012
Sungkai, Perak

**INFO SAINS****TAHUKAH ANDA?**

Memotong bawang mengeluarkan gas yang pedih

apabila masuk ke mata anda. Badan anda akan mengeluarkan

air mata untuk mencairkan kepedihan itu dan menyingkirkannya

dari mata.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG


PAMERAN STAR TREK

13 Disember 2012 - 31 Mac 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PAMERAN SPORT & SPINACH

22 Disember 2012 - 31 Ogos 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



PERSPECTIVE ON USER INNOVATION

Buku ini memaparkan koleksi terkini yang mengkaji aspek utama model baru inovasi. Turut ditonjolkan idea-idea baru yang menarik dalam bidang ini dengan kandungan yang disumbangkan oleh ahli akademik, pengamal dan penyelidik. Buku ini adalah sumber rujukan terbaik untuk ahli akademik dan masyarakat umum yang berminat dalam implikasi pengurusan dan dasar inovasi pengguna.



TELETUBES



FUNGSI

Suara akan bergerak melalui kabel ke satu posisi yang lain apabila seseorang bercakap di posisi yang lain.